



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 19 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Ahli CBO Perlu Ambil Serius Isu Keganasan Rumah Tangga https://thesun.my/cerita/berita/ahli-cbo-perlu-ambil-serius-isu-keganasan-rumah-tangga-DD13014117 https://selangorjournal.my/2024/09/community-groups-must-prioritise-domestic-violence-issues-kpwkm/ https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2341558 https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2341557 https://www.theborneopost.com/2024/09/19/ministry-community-based-organisation-directory-to-be-extended-nationwide/ https://utusanarawak.com.my/direktori-organisasi-berasaskan-komuniti-cbo-bakal-diperluaskan/ https://suarasarawak.my/direktori-organisasi-berasaskan-komuniti-cbo-tangani-penderaan-pengabaian-keganasan-dihadapi-masyarakat/	The Sun Selangor Journal Bernama Bernama The Borneo Post Utusan Sarawak Suara Sarawak	Neutral
2.	Dr Maziah Santuni Dua Individu Kurang Bernasib Baik Di Kampung Assyakirin https://utusanarawak.com.my/dr-maziah-santuni-dua-individu-kurang-bernasib-baik-di-kampung-assyakirin/	Utusan Sarawak	Neutral

3.	<p>Banjir: JKM Nasihat Penduduk Diarah Pindah Patuh Arahan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-jkm-nasihat-penduduk-diarah-pindah-patuh-arahan-488313</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=MnbrUzxly-l</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2341641</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-jkm-nasihat-penduduk-diarah-pindah-patuh-arahan/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
4.	<p>Budak 6 Tahun Disambar Buaya Ketika Mandi Sungai</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1300034/budak-6-tahun-disambar-buaya-ketika-mandi-sungai</p> <p>https://suarasarawak.my/kanak-kanak-hilang-dikhuatiri-dibaham-buaya/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/18/kanak-kanak-6-tahun-dikhuatiri-dibaham-buaya-ketika-mandi-sungai-di-tatau</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1135287/kanak-kanak-disambar-buaya-ketika-mandi</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Utusan Boreno</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
5.	<p>JKM Pantau Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Di Kuching Yang Dikaitkan Dengan GISBH</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/18/jkm-pantau-pusat-penjagaan-kanak-kanak-di-kuching-yang-dikaitkan-dengan-gisbh</p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral
6.	<p>Mesyuarat Kabinet Bincang Kebajikan Kanak-Kanak Rumah Amal GISBH</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/686312/berita/nasional/mesyuarat-kabinet-bincang-kebajikan-kanak-kanak-rumah-amal-gisbh</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral

	https://www.youtube.com/watch?v=krSpbRJNtjM https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2341749	Buletin TV3 Bernama	
7.	Kanak-Kanak Tertusuk Besi Tembak Ikan https://www.sinarharian.com.my/article/686335/berita/semasa/kanak-kanak-tertusuk-besi-tembak-ikan https://www.nabalunews.com/post/kanak-kanak-tertusuk-besi-di-tangan-kanan	Sinar Harian Nabalunews	Neutral
8.	Warga Emas Maut Dipercayai Digilis Lori https://www.kosmo.com.my/2024/09/18/warga-emas-maut-dipercayai-digilis-lori/#google_vignette	Kosmo	Neutral
9.	Warga Emas Hilang Selepas Dialisis Ditemui Meninggal Dunia https://www.kosmo.com.my/2024/09/18/warga-emas-hilang-selepas-dialisis-ditemui-meninggal-dunia/ https://www.sinarharian.com.my/article/686205/berita/semasa/lelaki-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia-dalam-kereta https://malaysiagazette.com/2024/09/18/mayat-warga-emas-ditemui-dalam-kereta/ https://www.buletintv3.my/nasional/penemuan-mayat-warga-emas-dalam-kereta-tiada-unsur-jenayah/	Kosmo Sinar Harian Malaysia Gazette Buletin TV3	Neutral
10.	HRPZ II Minta Bantuan Kesan Waris Pesakit Warga Emas https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2341738	Bernama	Neutral

AHLI CBO PERLU AMBIL SERIUS ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA



SIBU: Isu keganasan rumah tangga menjadi antara permasalahan yang perlu diambil serius oleh ahli Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr Maziah Che Yusoff berkata kesemua ahli CBO turut memainkan peranan penting dalam melindungi dan menyokong kumpulan sasaran di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

“Pengerusi dan ahli CBO merupakan orang yang paling dekat dengan komuniti, berfungsi sebagai mata dan telinga kepada pihak berkuasa, khususnya kementerian ini dalam menangani penderaan, pengabaian serta keganasan yang dihadapi komuniti setempat.

“Ahli komuniti yang mengetahui tentang kes penderaan atau keganasan rumah tangga boleh melaporkannya melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat, balai polis, hospital terdekat, Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019- 2615999,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis pelancaran Direktori CBO KWPKM@Sarawak di Dewan Kelab Melayu Kampung Nyabor, di sini hari ini.

Menurutnya, ahli CBO terdiri daripada rakan strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meliputi pelbagai jawatankuasa dan sukarelawan kebajikan termasuk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) serta ahli komuniti.

Maziah berkata direktori CBO menjadi dokumen rujukan semasa dalam menyantuni kumpulan sasaran dalam komuniti yang memerlukan bantuan.

“Direktori ini akan diperluaskan kepada semua daerah dan negeri di Malaysia bagi memudahkan capaian maklumat serta mempercepat tindakan yang diambil ahli CBO dalam membantu komuniti,” katanya.

Beliau berkata berdasarkan statistik JKM setakat Julai tahun ini, seramai 541,832 menerima bantuan melibatkan peruntukan RM1.5 bilion, dengan 55,138 orang adalah penerima di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM1.7 juta.

DR MAZIAH SANTUNI DUA INDIVIDU KURANG BERNASIB BAIK DI KAMPUNG ASSYAKIRIN



BINTULU: Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Dr. Maziah Che Yusof menyantuni dua individu kurang bernasib baik di Kampung Assyakirin Fasa 1 di sini, hari ini.

Kunjungan itu adalah sebahagian Program Ziarah Kasih sempena Kembara Kasih KPWKM 2024, yang bertujuan menjaga kebajikan warga emas.

Kedua-dua individu tersebut merupakan penerima bantuan Warga Emas sebanyak RM500 sebulan.

Dalam lawatan itu, Dr. Maziah diiringi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Batu, Johnny Pang Leong Ming.

Bagi lokasi pertama, mereka mengunjungi rumah Mani Ludong, 81, yang tinggal bersama dua anaknya, dan salah seorang anaknya merupakan orang kurang upaya dan tidak bekerja, sementara seorang lagi bergantung kepada pendapatan tidak menentu.

Keluarga berkenaan menetap di rumah yang ditumpangkan oleh jiran.

Seterusnya, mereka melawat Zanaida Zaini, 60-an, seorang warga emas OKU yang memerlukan penjagaan rapi dan bergantung kepada picagari untuk makan.

Zanaida tinggal bersama dua adik-beradik bujang tanpa pendapatan tetap.

Program itu bertujuan mendalami dan mencari jalan penyelesaian bagi masalah warga emas, sekali gus memastikan mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan.

BANJIR: JKM NASIHAT PENDUDUK DIARAH PINDAH PATUH ARAHAN



Mangsa banjir ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kompleks Rakan Muda, Banggol Besi, hari ini. - fotoBERNAMA

PENDANG: Penduduk yang terjejas banjir dinasihatkan supaya berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) jika diarahkan berbuat demikian bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah (JKM) Datuk Zulkhairi Zainol Abidin berkata mereka tidak perlu risau kerana bekalan makanan, khemah serta kemudahan yang disediakan di PPS lengkap dan mencukupi.

"Terdapat segelintir penduduk enggan berpindah atas alasan peribadi tetapi jika air naik mengejut mereka dinasihatkan segera berpindah dengan dibantu pasukan keselamatan ke PPS demi keselamatan diri dan keluarga. Kita juga beri jaminan bekalan diperlukan mencukupi dan keadaan di PPS terkawal.

"JKM dengan kerjasama agensi lain telah menguruskan operasi bagi memastikan kelancaran bantuan kepada mangsa termasuk menyediakan kaunselor berdaftar bagi membantu dari sudut emosi mereka yang terjejas akibat banjir," katanya ketika ditemui di PPS Rakan Muda Banggol Besi di sini hari ini.

Sementara itu, jumlah mangsa banjir di negeri ini meningkat kepada 2,194 orang setakat 8 pagi tadi berbanding 675 orang pada 5 petang semalam.

Mangsa terjejas terdiri daripada 388 keluarga dari enam daerah iaitu Kubang Pasu, Pendang, Kulim, Pokok Sena, Kuala Muda dan Kota Setar yang dipindahkan ke 11 PPS.

BUDAK 6 TAHUN DISAMBAR BUAYA KETIKA MANDI SUNGAI



Cicilia Julan Intik disambar buaya ketika mandi bersama ahli keluarganya di jeti Kampung Seberang Pasar Lama, Tatau di Bintulu. - Ihsan bomba

KUCHING: Seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun disambar buaya di jeti di Kampung Seberang Pasar Lama, Tatau, di Bintulu, hari ini.

Mangsa, Cicilia Julan Intik disambar reptilia itu ketika mandi bersama ahli keluarganya di jeti berkenaan.

Kejadian kira-kira jam 6.30 petang itu disaksikan datuk mangsa yang turut mandi di lokasi sama.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, pihaknya menerima panggilan jam 7.21 petang.

"Sepasukan enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tatau diarah ke lokasi kira-kira lima kilometer dari balai sejarus menerima panggilan itu.

"Pencarian dilakukan di sekitar jeti dan tebing sungai bersama anggota polis, selain ahli keluarga mangsa, namun sehingga kini mangsa gagal dikesan," katanya.

Mesyuarat Kabinet bincang kebajikan kanak-kanak rumah amal GISBH



Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya pada Rabu. Foto FB Zahid Hamidi

SERDANG - Mesyuarat Kabinet pada Rabu telah membincangkan mengenai kanak-kanak dan remaja yang diselamatkan dari rumah amal dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) khususnya aspek kebajikan, pendidikan dan masa depan mereka, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Bercakap kepada media selepas melawat Laman Usahawan Desa@MAHA 2024 di sini hari ini, beliau berkata, perkara itu menjadi keutamaan kerajaan termasuk menyediakan pendidikan agama kepada mereka.

Untuk tujuan itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah memaklumkan akan mewujudkan tempat khusus untuk kanak-kanak dan remaja berkenaan.

"Ini agar mereka (kanak-kanak dan remaja) mendapat kepedulian daripada pihak JKM," katanya.

Ditanya sama ada kumpulan itu akan diberi peluang dan tempat untuk menyertai program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah KKDW, beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) dan JKM mengenai perkara tersebut.

"Saya telah mengadakan perbincangan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Datuk Seri Dr Mohd Na'im Mokhtar), beliau merasakan ada beberapa kursus tertentu yang bersesuaian untuk mereka yang berumur 16 tahun dan ke atas," katanya.

Ahmad Zahid berkata, perkara penting ketika ini adalah memberikan pendidikan agama serta akidah kepada mereka yang selama ini tinggal di rumah amal yang dikaitkan dengan GISB Holdings.

Mohd Na'im baru-baru ini dilaporkan berkata, kerajaan akan memastikan wanita dan kanak-kanak yang diselamatkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam beberapa siri Op Global ke atas beberapa rumah amal yang dikaitkan dengan GISBH, mendapat pembelaan dari aspek kebajikan, pendidikan dan hala tuju.

Media melaporkan polis berjaya menyelamatkan 402 kanak-kanak dan remaja berusia setahun hingga 17 tahun dari 18 rumah amal di Selangor dan dua di Negeri Sembilan dalam operasi itu. - Bernama